

SEREMBAN, 19 APRIL (REUTERS)—KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN SEDANG MENYEDIAKAN SATU RANCANGAN MENYELURUH BERASASKAN KEPADA SISTEM FRANCHISE BARAT BAGI MENOLONG PARA PENIAGA BUMIPUTERA, DEMIKIAN KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI.

RANCANGAN ITU TERMASUK MENGADAKAN SATU BUKU PANDUAN YANG LENGKA YANG MENUNJUKKAN KEADAAN PERNIAGAAN DAN BAGAIMANA HENDAK MENYELESAIKANNYA. LATIHAN AKAN DIPERIKAN OLEH KEMENTERIAN TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERKATA DEMIKIAN KEPADA PARA PEMDERITA SELEPAS MELATAKKAN BATU ASAS BAGI KOMPLEKS DATUK MANSOR BERTAMBAH \$14 JUTA DI JALAN BIRCH DI SINI.

KOMPLEKS ITU AKAN DIBINA OLEH DEWAN PERNIAGAAN MELAYU NEGRI SEMBILAN LENGKAP DENGAN SEBUAH SUPERMARKET, ARKED MEMBELI-BELAH, PAWAGAM DAN HOTEL.

BELIAU BERKATA, RANCANGAN MENYELURUH ITU ADALAH SAMA DENGAN FRANCHISE YANG DITAWARKAN OLEH NEGARA-NEGARA BARAT DALAM MANA PEMEGANG FRANCHISE ITU DIBERIKAN KESEMUA LATIHAN DAN BANTUAN YANG PERLU DARI AWAL HINGGA AKHIR BAGI MENJAMIN KEJAYAAN PERNIAGAANNYA.

—BERSAMBUNG 1345/MD  
MAHATHIR 2 SEREMBAN 'a'a'a

BELIAU BERHARAP RANCANGAN MENYELURUH ITU AKAN DILAKSANAKAN SEGERA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TELAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGURANGKAN +RED TAPE+ DALAM MEMBERIKAN PINJAMAN-PINJAMAN KEPADA PENIAGA-PENIAGA BUMIPUTERA.

KERAJAAN JUGA TELAH MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGHAPUSKAN KELAMBATAN KEATAS PERMOHONAN-PERMOHONAN BAGI PERUSAHAAN-PERUSAHAAN BARU.

MENGENAI SAMBUTAN TERHADAP PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN, BELIAU BERKATA, SETAKAT INI SAMBUTAN ITU ADALAH BAIK WALAUPUN BOLEH DIPERBAIKI LAGI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA, SETENGAH PENIAGA BUMIPUTERA TELAH TERKELIRU BAHAWA DENGAN MENCEBURKAN DIRI KE DALAM BIDANG PERNIAGAAN MEREKA ITU MEMBUAT SESUATU KEBAIKAN BAGI KERAJAAN.

+TEGASNYA,+ INI ADALAH SATU SIKAP YANG SALAH, KERANA KERAJAAN DENGAN JUJURNYA HENDAK MENGGALAKKAN BUMIPUTERA MENCEBUR KE DALAM BIDANG PERNIAGAAN UNTUK FAEDAH DIRI MEREKA SENDIRI. —BERSAMBUNG 1350/MD

MAHATHIR 3 SEREMBAN 'a'a'a

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN BERBAGAI PELUANG BAGI BUMIPUTERA MENYERTAI BIDANG PERNIAGAAN DAN DAN TERPULANGLAH KEPADA MEREKA UNTUK MEREKUT PELUANG-PELUANG TERSEBUT.

TERDAHULU DARI ITU, KETIKA BERUCAP DIUPACARA MELETAKKAN BATU ASAS ITU, BELIAU MENINGATKAN DEWAN PERNIAGAAN MELAYU ITU SUPAYA MENJAMIN KEJAYAAN PROJEK TERSEBUT.

KATANYA, +TIDAK ADA GUNANYA BERBANGGA DENGAN MEMBINA SEBUAH KOMPLEKS YANG BESAR SEKIRANYA TUJUAN UTAMANYA UNTUK BERBERNIAGA TIDAK TERCAPAI.+

BELIAU MENGESYORKAN, SATU JALAN BAGI MENJAMIN KEJAYAANNYA ADALAH DENGAN MEMBENARKAN BUKAN BUMIPUTERA MENGAMBIL LOT-LOT KEDAI DALAM KOMPLEKS ITU. MEREKA ITU AKAN DAPAT MENARIK PELANGGAN.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA DALAM PERNIAGAAN +KITA HENDAKLAH PRAKTIKAL. KITA MENCEBURKAN DIRI KE DALAM BIDANG PERNIAGAAN BUKANNYA KERANA SEMANGAT KEBANGSAAN TETAPI UNTUK MENCARI UNTUNG.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP SYORNYA ITU TIDAK AKAN DISALAH ERTIKAN OLEH RAKYAT. —BERSAMBUNG 1422/MD